



## جابتن مفتي نكري قهغ

قوله تعالى:  
فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Soalan :**

Assalamualaikum.

Tuan,

Mohon bertanya soalan seperti berikut:

"Jika seseorang itu memiliki sejumlah wang tunai hasil daripada sumber yang tidak jelas 'halal' atau 'haram'; bolehkah wang tunai tersebut digunakan untuk membeli kenderaan terpakai dan diberikan kepada saudara kandung yang dalam kesusahan dan miskin untuk kegunaan harian dan mencari rezeki?" pada masa sama saudara kandung tidak mengetahui status wang tunai tersebut kerana dirahsiakan.

Mohon bantuan pihak tuan memberikan pencerahan dan nasihat bagi perkara berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**Jawapan :**

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi besar junjungan kita Muhammad SAW, keluarga, sahabatnya dan mereka-mereka yang mengikuti segala sunnah Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada puan di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Hukum menggunakan **wang tunai hasil daripada sumber yang tidak jelas halal atau haram (syubhah)** adalah tidak dibenarkan kerana ianya termasuk dalam **harta yang tidak patuh syariah**. **Harta yang tidak patuh syariah** ini bermaksud sesuatu harta yang diperolehi daripada sumber yang tidak patuh syariah dan diragui seperti hasil curi, riba, berjudi, penipuan, rasuah dan seumpamanya.

Hal ini diperintahkan oleh Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 100:

قُلْ لَا يَسْتَوِي الْخَبِيثُ وَالطَّيِّبُ وَلَوْ أَعْجَبَكَ كَثْرَةُ الْخَبِيثِ فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: *"Katakanlah (Muhammad), "Tidaklah sama yang buruk dengan yang baik, meskipun banyaknya keburukan itu menarik hatimu, maka bertakwalah kepada Allah wahai orang-orang yang mempunyai akal sehat, agar kamu beruntung."*

Sheikh Abdul Rahman Bin Naser Al-Saudi ataupun dikenali dengan nama Al-Saudi dalam tafsirnya menukilkan bahawa " **لَا يَسْتَوِي الْخَبِيثُ وَالطَّيِّبُ** " merangkumi semua keadaan, maka tidak sama dengan iman dan kufur, tidak sama taat dan maksiat, tidak sama ahli syurga dan neraka, tidak sama amalan yang buruk dan yang baik dan tidak sama harta yang halal dan haram.

Ini dikuatkan dengan dalil hadis Nabi SAW berkenaan perkara yang tidak jelas halal atau haramnya. Maka kita patut menghindarinya kerana ianya perkara yang diharamkan oleh Allah SWT:

عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : إِنَّ الْحَلَالَ بَيْنَ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيْنَ وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ

**Maksudnya:** *Dari Abu Abdillah An-Nu'man bin Basyir Radhiyallahu 'Anhuma, beliau mengatakan, "Saya mendengar Rasulullah Shallallahu 'Alaihi wa Sallam bersabda, 'Sungguh yang halal itu jelas, yang haram pun jelas. Dan diantara keduanya ada perkara yang syubhat – perkara yang tidak diketahui oleh kebanyakan orang. Maka barangsiapa yang menghindari syubhat, maka bererti dia telah membebaskan agama dan kehormatannya. Dan barangsiapa yang terjatuh ke dalam perkara-perkara syubhat, maka dia jatuh dalam perkara yang diharamkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.*

Menurut keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Pahang Kali Ke-1/2009 pada 27 Februari 2009 yang menyatakan mengenai manfaat penyaluran harta tidak patuh syariah:

Di dalam Islam harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanyaq adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut:

1. Diserah kepada Baitulmal untuk masalah-masalah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya
2. Diserah kepada golongan fakir ; atau
3. Jika harta tersebut harta rompak, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan semula kepada pemiliknya. Jika pemiliknya telah meninggal

dunia atau tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya. Sekiranya tidak dapat diketahui pemilik atau ahli waris pemilik, maka harta tersebut hendaklah diserahkan ke Baitulmal.

Secara kesimpulannya, bagi menjawab persoalan yang dikemukakan oleh puan. Ingin kami ringkaskan bahawa **wang tunai hasil daripada sumber yang tidak jelas halal atau haramnya tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi dan keluarga** kerana ianya mengandungi unsur-unsur yang tidak dibenarkan oleh syara'. Oleh itu, harta yang diperoleh daripada sumber yang haram perlu dibersihkan seperti digunakan untuk tujuan *maslahah ammah* dan diberikan kepada fakir miskin. Justeru itu, jabatan ini menyarankan bahawa adik puan boleh memohon bantuan zakat di bawah Majlis Ugama Islam Negeri bagi asnaf *al-gharimin* iaitu golongan yang layak menerima bantuan zakat atas faktor hutang yang dibenarkan oleh syara'. Kami juga menasihatkan puan agar segera bertaubat di atas kesalahan yang dilakukan dan tidak mengulanginya lagi. Kami juga berharap agar puan menjauhi perkara-perkara yang menjurus kepada kemungkaran Allah SWT. Semoga apa yang disampaikan dapat memberi kefahaman yang jelas buat puan dan Allah sentiasa memudahkan segala urusan puan. Amin Ya Rabbal Alamin.

Sekian, Wassalam.

## Rujukan

- 1) Al-Quran Dan Terjemahan.
- 2) Yusuf al-Qardhawi, *Fatwa Muasirah*.
- 3) Imam Nawawi, *Majmu' Syarh Al Muhazzab*.
- 4) Abdul Rahman Bin Naser Bin Abdullah Al-Saadi, *Tafsir al-Karem al-Rahman Fil Tafsir Kalam al-Mannan*.
- 5) [https://reports.muip.gov.my/zakatportal/?page\\_id=3131](https://reports.muip.gov.my/zakatportal/?page_id=3131)